BIL	MAHKAMAH	PLAINTIF	DEFENDAN	STATUS
134	BA-24NCVC-673-06/2018	TUNAS ARENA SDN BHD	PENTADBIR TANAH PETALING	KES SEDANG BERJALAN
135	BA-21NCVC-52-07/2018	SYAIPUL HAPIZAN BIN DARUDIN @ DAR SYAIPUL HAPIZAN BIN	JPS	KES SEDANG BERJALAN
136	BA-24NCVC-801-07/2018	SYARIKAT RASRI SDN BHD	SARIFAH RODZIAH BT SYED HASSAN PENDAFTAR/PENTADBIR TNAHA, PTD SABAK BERNAM	KES SEDANG BERJALAN
137	BA-21NCVC-53-07/2018	TAN HOCK KIEN LEE SOO WAT	METRO-I CORPORATION SDN BHD PTGS KERAJAAN NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
138	BA-22NCVC-331-07/2018	LAURA INDRANI CHELVANAGAM	WONG MONG CHIN PTD KLANG FASJAYA SDN BHD RICHARD ONG TAK KIN	KES SEDANG BERJALAN
139	BA-21NCVC-47-06/2018	HO FOO SENG SWEE YIN	PENDAFTAR HAKMILIK, PTGS PENDAFTAR TANAH DAN DAERAH HULU LANGAT PENGARAH JABATAN UKUR & PEMETAAN SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
140	BA-24-507-05/2016	KIAM SENG	PTD SEPANG KERAJAAN NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
141	BA-24NCVC-856-07/2018	SIME DARBY PLANTATION BERHAD	PTD SEPANG	KES SELESAI
142	BL-A54-15-06/2018	MUHAMAD ASMADI BIN NAAM	PUAN SA'DIAH BINTI ABU ENCIK MD DIAH BIN ABU SHAH PENGHUNI-PENGHUNI, PENGUSAHA2, AGEN YG MENCEROBOH ATAS HARTANAH, PTD KUALA SELANGOR	
143	BA-24NCVC-832-07/2018	PERBADANAN PENGURUSAN GUGUSAN SIANTAN	PTD PETALING	KES SELESAI
144	BA-24NCVC-861-07/2018	BALDEV SINGH A/L SHAGINDER SINGH	PENTADBIR TANAH GOMBAK, PTD GOMBAK & KERAJAAN NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
145	BA-24NCVC-845-07/2018	TUDONG EMAS (M) SDN BHD	PENDAFTAR HAKMILIK SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
146	BA-24NCVC-746-06/2018	MOHD RAFI BIN HARUN	PENTADBIR TANAH DAERAH KLANG	KES SEDANG BERJALAN
147	BA-24NCVC-841-07/2018	PUSPA A/P KANIAPAN JEYAH PIRIYAH A/P KANIAPAN ABU HASSAN B. ABDULLAH	KUPAMA A/P SUPPAIYAH PTD SABAK BERNAM JKPTG 9PERSEKUTUAN) (UNIT PEMBAHAGIAN PUASAKA SELANGOR BARAT LAUT)	KES SEDANG BERJALAN

BIL	MAHKAMAH	PLAINTIF	DEFENDAN	STATUS
148	BA-24NCVC-859-07/2018	MUHAMMAD ZULKHAIRI BIN ZAKARIA	MKL PROPERTY SDN BHD PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
149	WA-24NCVC-1554-08/2018	TAN POH YEE	TAN KIM CHOO @ TAN KIM CHOON PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SEL.	KES SEDANG BERJALAN
150	BA-24NCVC-883-07/2018	LIBERTY EQUITY SDN BHD	KETUA PENGARAH PTGS PTD KUALA LANGAT HAJI ROSLI BIN OTHMAN, PEGAWAI DAERAH KUALA LANGAT	KES SEDANG BERJALAN
151	BA-24NCVC-891-07/2018	KARUPPIAH A/L RAMAN SUBBUODAYAR A/L KANDASAMY GIRIJA A/P SANGARAN KRISHNAN KUTTY A/L GOVINDAN MALLIGA A/P THAMBIMUTHU SITARAN A/L PAKIRI VEERAMOCHANAN A/L SUBRAMANIAM UTHAYAKUMAR A/L MARUTHAKAVI SARAVANAN A/L ELANGO CHANDRAN A/L ARUMUGAM VAANTHA A/P MUTHUSAMY	PTGS JKPTG SELANGOR KERAJAAN NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
152	WA-24NCVC-1563-08/2018	FOONG KWAI HIONG	GONG CHIOK SIN PENDAFTAR HAKMILIK PTGS	KES SEDANG BERJALAN
153	WA-21NCVC-69-08/2018 WRIT SAMAN	MARIMUTHU A/L GOVINDASAMY UNITED COURAGE SDN BHD	PENDAFTAR/PENTADBIR TANAH DAERAH KLANG THAVANAI A/P SINGARAM	KES SEDANG BERJALAN
154	BA-24NCVC-903-07/2018	AZIAH BINTI ALI	PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
155	BA-22NCVC-328-07/2018	NORMIDAH BINTI NORDIN	AFEefa BINTI AZIMI AHMAD SHAFEEED BIN AZIMI IBTISAM BINTI AZIMI MUHAMAD ATHIR BIN AZIMI MUHAMMAD NAWAF BIN AZIMI NUR AINAA BINTI AZIMI PTD SEPANG	KES SEDANG BERJALAN
156	BA-24NCVC-700-06/	ANUAR BIN MD BAHARI MAYBANK ISLAMIC BERHAD	PENTADBIR TANAH DAERAH GOMBAK	KES SEDANG BERJALAN
157	BA-24NCVC-910-08/2018	JAMALUDIN BIN HUSSIN	PENTADBIR TANAH KUALA SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN

BIL	MAHKAMAH	PLAINTIF	DEFENDAN	STATUS
160	BA-24NCVC-918-08/2018	CEKAP CORPORATION BERHAD & NAYAKA (M) SDN BHD	PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SELANGOR PENGARAH JABATAN UKUR & PEMETAAN MALAYSIA SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
161	BA-25-11-03/2018 JR	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	IMPIANA IMPRESIF SDN BHD LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN
162	BA-24NCVC-913-08/2018	ANG HOCK KEAT LOH YOKE HIN	PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SELANGOR PEMUNGUT DUTI SETEM	KES SEDANG BERJALAN
163	BA-24NCC-2-01/2018	SERAMBI PADU SDN BHD	-	KES SEDANG BERJALAN
164	BA-21NCVC-56-08/2018	KAMSI AH BINTI MAT JANI	PENTADBIR HARTA PUSAKA ALLAHYARHAM AZMAN BIN MAT JANI AEZMI BIN MOHD ATAN PENTADBIR TANAH DAN DAERAH PETALING	KES SEDANG BERJALAN
165	BA-24NCVC-970-08/2018	MOHD ZAHIB BIN MASTURA	PENDAFTAR HAKMILIK TANAH NEGERI SELANGOR PENTADBIR TANAH DAN GALIAN SELANGOR	KES SEDANG BERJALAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PROJEK DATUM JELATIK

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek tersebut?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menyelesaikan rungutan pemilik asal di tempat berkenaan?
- c) Nyatakan keuntungan Kerajaan Negeri dari pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kemajuan pembinaan projek sehingga 15 Ogos 2018 adalah sebanyak 47%. Jangkaan penyiapan pembangunan Datum Jelatek adalah pada bulan September 2019.
- b) Kerajaan Negeri menerusi PKNS telah membayar wang pampasan kepada semua pemilik asal seperti berikut:

Pembangunan Asal:

Jenis Unit	Bil Unit
Kedai (500 – 700 kps)	48
Kediaman 2 bilik (550 kps)	108
Kediaman 3 bilik (705 kps)	36
Jumlah	192

Jumlah Pampasan:

Jenis Unit	Penilaian Raine & Horne (2009)	Penilaian JPPH (2009)	Pampasan di bayar PKNS
Kediaman 2 bilik (550 kps)	RM 110,000	RM 130,000	RM 250,000
Kediaman 3 bilik (705 kps)	RM 130,000	RM 165,000	RM 300,000
Kedai (550 kps)	RM 140,000	RM 155,000	RM 450,000
Kedai (705 kps)	RM 160,000	RM 160,000	RM 550,000

Jumlah pampasan di bayar kepada penduduk asal – RM 25 Juta

- c) Keuntungan kerajaan negeri :
- i) Nilai Anggaran Kasar (GDV) bagi pembangunan bercampur komersil perniagaan dan pangsapuri kediaman dianggarkan bernilai RM1.46 billion.
 - ii) Pulangan bersih kepada PKNS dianggarkan sebanyak RM100 juta melalui penjualan 708 unit pangsapuri kediaman. Pulangan ini akan digunakan sepenuhnya oleh PKNS untuk membiayai projek rumah mampu milik di seluruh Selangor.
 - iii) Disamping itu, komersial perniagaan dengan keluasan 317,159 kaki persegi menjana pendapatan berulang (recurring income) sebanyak RM28 juta setahun kepada Kumpulan PKNS.
 - iv) Dengan adanya pusat perniagaan komersial di kawasan Keramat, dianggarkan 1,300 peluang pekerjaan bakal diwujudkan bagi menjana pendapatan bagi penduduk setempat.
 - v) Nilai hartanah di kawasan setempat dianggarkan meningkat apabila projek siap pada 2019 nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BANTUAN SEKOLAH CINA DAN INDIA

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis bantuan yang diberikan kepada Sekolah Cina dan India.
- b) Nyatakan jumlah bantuan untuk Sekolah Cina dan India dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Jenis bantuan yang diberikan kepada Sekolah Cina dan India adalah merupakan bantuan baikpulih infrastruktur sekolah.
- b) Jumlah bantuan untuk Sekolah Cina dan India dari 2016-2018 adalah seperti berikut :

TAHUN	SJKC	SJKT
2016	RM 6,000,000.00	RM 4,000,000.00
2017	RM 6,990,000.00	RM 4,663,000.00
2018	RM 7,823,000.00	RM 4,840,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM 20,813,000.00	RM 13,503,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HUTANG NEGERI SELANGOR

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hutang Negeri sehingga kini.
- b) Nyatakan kaedah pembayaran dan statusnya.
- c) Nyatakan kedudukan kewangan Negeri berdasarkan jumlah hutang dan pendapatan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Jumlah hutang Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **31 Ogos 2018** adalah berjumlah **RM1,113.32 juta**. Sejumlah 96.85% daripadanya merupakan pinjaman bagi Projek Bekalan Air.

Selain daripada Projek Bekalan Air, pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Amanah Saham Selangor iaitu 1.02%; dan
 - (ii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor iaitu 2.13%.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan tahunan juga akan disediakan secukupnya dalam Anggaran Belanjawan Tahunan.

Bagi tahun 2018, bayaran balik pinjaman telah pun dilunaskan kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan jumlah sebanyak RM11,951,181.79 seperti perincian berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM5,314,099.60;
- (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan
- (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.

- c) Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang baik dengan hasil negeri yang berkeupayaan untuk menampung bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KAWASAN PESISIR PANTAI TENGGELAM

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi menghadapi kawasan risiko kawasan pesisir yang tenggelam akibat kenaikan paras air laut?
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang dikeluarkan pada 2016-2018 bagi perkara tersebut.
- c) Nyatakan ancaman terhadap penduduk dan peranan Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

- a) Bagi menghadapi kawasan pesisir pantai yang berisiko tenggelam akibat kenaikan paras air laut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah meluluskan siling peruntukan pembangunan sebanyak RM36 juta bagi projek-projek pembangunan pantai. Tiga skop utama adalah memperkukuh benteng pantai, kawalan hakisan dan pemeliharaan dan pemuliharaan pantai dan muara. Terdapat 6 projek utama dibawah peruntukan ini. Pecahan projek adalah seperti berikut:

Bil	Tajuk Projek	Status	Kos Kontrak
1	Kerja-kerja membina lapis lindung dan kerja berkaitan di Pantai Morib-Kelanang, Daerah Kuala Langat	Siap pada 2017	RM5.3 juta
2	Kawalan hakisan dan memperkukuh benteng pantai di Kawasan pertanian Kuala Selangor	Siap pada Jun 2018	RM6.2 juta
3	Kawalan hakisan dan memperkukuh benteng pantai Blok 1, Blok 2 dan Coastel Belt, Daerah Sabak Bernam	Siap pada Julai 2018	RM3.5 juta

Bil	Tajuk Projek	Status	Kos Kontrak
4	Menaiktaraf struktur dan ban pantai Tanjung Rhu, Daerah Sepang	Mula Julai 2018	RM1.5 juta
5	Kerja-kerja menaiktaraf struktur dan ban pantai di Batu Laut, Daerah Kuala Langat	Mula Mei 2018	RM2.3 juta
6	Kerja-kerja pembaikan tembok penahan ombak di Pantai dataran Morib, Daerah Kuala Langat	Mula Ogos 2018	RM1.7 juta

- b) Jumlah peruntukan pembangunan negeri dari tahun 2016-2018 bagi projek pembangunan pantai adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Peruntukan (RM)
1	2016	3.9 juta
2	2017	14.6 juta
3	2018	9.5 juta

- c) Ancaman kepada penduduk sekiranya kenaikan paras air laut berlaku adalah kemungkinan untuk berlakunya banjir di kawasan penduduk pesisir pantai. Ini disebabkan limpahan air laut yang menyebabkan ban pantai terhakis dan runtuh. Kerajaan Negeri melalui Jabatan pengairan dan Saliran sentiasa membuat pemantauan pesisir pantai untuk mengetahui kawasan berisiko berlaku limpahan air laut. Pemantauan ini dilakukan setiap bulan sebelum air pasang tinggi berlaku. Terdapat 5 daerah pesisir pantai yang terlibat iaitu Daerah Sepang, Daerah Kuala Langat, Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA MASJID DAN SURAU

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jenis bantuan kepada masjid dan surau.
- b) Nyatakan jumlah bantuan kepada masjid dan surau dari 2016-2018.
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang meningkatkan jumlah bantuan pada masa akan datang?

JAWAPAN:

- a) Jenis-jenis bantuan kepada masjid dan surau:
 - i. Sumbangan Bantuan Moreh Bulan Ramadhan
 - ii. Sumbangan Insentif Nazir Masjid berjumlah RM500, Pengerusi Surau RM300, Siak Masjid dan Surau RM300.
 - iii. Elaun Bulanan Pegawai Masjid oleh LZS.
 - iv. Elaun Tahunan AJK Masjid oleh LZS.
 - v. Elaun Bulanan Imam Masjid oleh Kerajaan Negeri dan JAKIM.
 - vi. Sumbangan pembersihan tandas di masjid-masjid terpilih.
 - vii. Penyelenggaraan berkala.
 - viii. Peruntukan pengimarahannya masjid oleh LZS pada tahun 2018
 - ix. Bantuan Imam Hafiz Ramadhan di 1000 surau terpilih oleh LZS pada tahun 2018.

b) Jumlah bantuan kepada masjid dan surau dari 2016-2018 adalah seperti berikut:

Bantuan	Tahun	Jumlah (RM)		Sumber
Bantuan Moreh Bulan Ramadhan	2016-2015	6,137,450.00		Kerajaan Negeri
Insentif kepada Nazir Masjid, Pengerusi Surau, Siak Masjid dan Surau	2017-2018	2,448,500.00		Kerajaan Negeri
Elaun Bulanan Pegawai masjid	2016-2018	18,878,400.00		Lembaga Zakat Selangor (LZS)
Elaun Tahunan AJK Masjid	2016-2018	2,508,000.00		Lembaga Zakat Selangor (LZS)
Elaun Bulanan Imam Masjid	2016-2018	12,052,800.00		Kerajaan Negeri
Sumbangan Pembersihan Tandas	2016-2018	540,000.00		Kerajaan Negeri
Penyelenggaraan Berkala		Masjid	Surau	Kerajaan Negeri (Unit Pembangunan)
	2016	9,969,366.54	790,000.00	
	2017	9,062,498.43	900,000.00	
	2018	5,000,000.00	500,000.00	
Bantuan Pengimaran	2018	2,000,000.00		Lembaga Zakat Selangor (LZS)
Bantuan Imam Hafiz 1000 Surau	2018	2,000,000.00		Lembaga Zakat Selangor (LZS)

c) Belum ada perancangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KADAR PENGANGGURAN

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar pengangguran di Selangor dari 2016-2018.
- b) Senaraikan tindakan dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menurunkan kadar tersebut.
- c) Nyatakan perbandingan kadar pengangguran di Selangor dan negeri-negeri lain.

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada data terkini (**Jadual 2: Kadar Pengangguran Mengikut Negeri, 2016 dan 2017**) yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Selangor telah mencatat kadar pengangguran sebanyak 3.2% pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017, kadar pengangguran di Selangor telah menurun kepada 2.8%.

Jadual 2: Kadar Pengangguran Mengikut Negeri, 2016 dan 2017

Negeri	Kadar Pengangguran (%)					
	2016			2017		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
MALAYSIA	3.4	3.1	3.9	3.4	3.3	3.5
Johor	3.6	3.4	3.8	3.4	3.3	3.6
Kedah	2.9	2.5	3.6	2.8	2.9	2.8
Kelantan	3.8	3.5	4.3	3.6	3.4	3.9
Melaka	0.9	0.7	1.1	1.0	0.9	1.1
N. Sembilan	2.7	2.6	2.9	2.8	2.8	2.9
P. Pinang	2.1	2.2	2.0	2.1	2.0	2.1
Pahang	2.6	1.9	3.8	2.9	2.4	3.9
Perak	3.4	2.7	4.6	3.7	3.3	4.4
Perlis	2.9	2.6	3.5	3.5	2.7	4.6
Sabah	5.4	4.9	6.1	5.6	5.6	5.7
Sarawak	3.3	3.2	3.5	3.0	2.9	3.2
Selangor	3.2	2.7	3.9	2.8	2.7	3.0
Terengganu	4.2	4.7	3.2	4.5	4.5	4.5
W.P Putrajaya	1.7	1.9	1.6	1.5	1.8	1.2
WP Labuan	7.8	7.3	8.9	8.5	8.9	7.8
WP Kuala Lumpur	3.3	3.1	3.6	3.1	2.9	3.5

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut bagi mengurangkan kadar pengangguran di Selangor seperti berikut:

i. Karnival Kerjaya – Selangor Job Fair

Program Karnival Kerjaya (*Selangor Job Fair*) adalah hasil kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia yang telah memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri di lokasi berbeza sepanjang tahun 2017 dan telah berjaya melibatkan jumlah pengunjung seramai 3,416 orang dengan menawarkan sebanyak 5,782 kekosongan jawatan. Kesan dari pelaksanaan program ini, seramai 847 orang telah berjaya mendapat pekerjaan pada hari tersebut.

ii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang.

iii. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) adalah sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliahkan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam

- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor telah memberi peruntukan sebanyak RM920,000.00 bagi pelaksanaan program ini.

iv. Program Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)

Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

v. Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)

Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Program IKTISASS ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada belia untuk memantapkan kemahiran teknikal bagi menjamin kebolehpasaran belia dalam industri dan membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor. Terdapat sembilan (9) institusi yang terlibat dalam pelaksanaan IKTISASS seperti berikut:

INSTITUSI	KURSUS YANG DITAWARKAN
Selangor Human Resource Development Center (SHRDC)	<ul style="list-style-type: none"> - Kategori Belia Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) - Program Internship for High Impact Talent (i-HIT) - SMART <i>Technical Workforce</i> - Skim Perantis Meister Selangor - MESTI Digital - <i>Selangor Smart SMEs</i>

INSTITUSI	KURSUS YANG DITAWARKAN
Kolej Antarabangsa INPENS	<ul style="list-style-type: none"> - Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik - Pendawaian Elektrik - Peralatan Penyaman Udara HVAC - Automotif- Servis Selepas Jualan
Kolej Antarabangsa INTRA	<ul style="list-style-type: none"> - Juru Estetik - Juruterapi Estetik - Pembuat Pakaian Wanita
Kolej Teknologi MEA	<ul style="list-style-type: none"> - Seni Reka Grafik - Multimedia Animasi
STRAND	<ul style="list-style-type: none"> - Aerospace - Industri Berteknologi Tinggi
SST And Consultancy Academy Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - Automotif – Perkhidmatan Servis lepas Jualan - Pendawaian - Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (SHO)
German-Malaysian Institute (GMI)	<ul style="list-style-type: none"> - Diploma in Engineering Technology (Mould Technology) - Diploma in Engineering Technology (CNC Precision Technology) - Diploma in Network Security - Diploma in Engineering Technology (Industrial Plant Maintenance) - Diploma in Engineering Technology (Autotronics & Hybrid System)

INSTITUSI	KURSUS YANG DITAWARKAN
Advanced Technology Training Centre (ADTEC)	<ul style="list-style-type: none"> - Diploma Teknologi Kejuruteraan Penyelenggaraan Kapal Terbang - Diploma Teknologi Kejuruteraan Elektrik Kuasa - Diploma Teknologi : Kimpalan/Pembuatan/Jaminan/ Kualiti/ Penyejukbekuan & Penyaman Udara/Komputer
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang	<ul style="list-style-type: none"> - Diploma Teknologi : Kimpalan/Pembuatan/Jaminan/ Kualiti/ Penyejukbekuan & Penyaman Udara/Komputer - Diploma Teknologi Elektronik Industri - Diploma Teknologi Elektronik Industri

- c) Merujuk kepada data terkini (**Jadual 2: Kadar Pengangguran Mengikut Negeri, 2016 dan 2017**) yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Selangor telah mencatat kadar pengangguran sebanyak 3.2% pada tahun 2016 dan 2.8% pada tahun 2017. Ini menunjukkan terdapat penurunan kadar pengangguran sebanyak 0.4% pada tahun 2017.

Pada tahun 2017, Melaka telah mencatatkan kadar pengangguran terendah sebanyak 1.0% manakala Wilayah Persekutuan Labuan telah mencatatkan kadar pengangguran tertinggi iaitu sebanyak 8.5%. Kedudukan Selangor di tempat kelapan (3.2%) pada tahun 2016 telah naik ke tempat keempat (2.8%) bersama Kedah dan Negeri Sembilan. Ini menunjukkan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Selangor telah menunjukkan hasil dan impak yang positif di dalam penurunan kadar pengangguran di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PELANCONGAN DAN PRODUK PELANCONGAN LUAR BANDAR

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah komitmen Kerajaan Negeri dalam memajukan Industri Pelancongan dan Produk Pelancongan Luar Bandar?
- b) Apakah bentuk bantuan atau insentif yang boleh ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha-pengusaha Produk Pelancongan di Luar Bandar?

JAWAPAN:

- a) Terdapat pelbagai bentuk komitmen yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memantapkan lagi industri pelancongan negeri Selangor. Disamping pembinaan infrastuktur dan pembiayaan pembangunan industri itu secara langsung, Kerajaan Negeri juga telah mula mengorak langkah untuk mengenalpasti aspek pembangunan insan serta menaikkan tahap kecekapan di dalam kelompok penggiat dan pengusaha industri pelancongan ini.

Terkini, suatu program latihan kemahiran yang dikenali sebagai *Program Hos Komuniti Selangor 2018* telah dimulakan melalui pengambilan peserta kumpulan pertama untuk diangkat sebagai Pemandu Pelancong Tempatan di daerah Kuala Selangor. Asas program ini adalah berupa suatu program latihan kemahiran yang dapat melahirkan juru pandu pelancong yang terlatih di setiap daerah dan penempatan yang berhampiran dengan pusat tarikan pelancong. Lanjutan dari itu, pelbagai program yang serupa akan diperkenalkan ke daerah-daerah lain di seluruh Negeri Selangor dalam jangkamasa terdekat ini.

Program latihan kemahiran ini berlangsung selama enam-(6) bulan dan khusus disediakan untuk peserta tempatan mengikut lokaliti masing-masing. Ianya mendapat pengiktirafan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia serta persijilan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. Setakat ini hanya peserta yang berumur diantara 21 tahun hingga 35 tahun sahaja yang diterima untuk mengikuti latihan kemahiran tersebut.

Adalah diharapkan dengan adanya program sedemikian, akan wujudnya minat yang berterusan bagi penduduk tempatan; terutamanya kaum belia di kawasan luar bandar untuk berkecimpung dan membina kerjaya di dalam bidang pelancongan negeri.

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor sangat aktif menyediakan ruang secukupnya bagi para penggiat industri pelancongan tempatan mempromosikan produk mereka yang terdapat di sekitar Negeri Selangor.

Sebagai panduan, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor ada menyediakan pelbagai pendekatan sama ada media bercetak mahupun media elektronik yang boleh digunapakai. Antaranya :

BIL.	MEDIA/ MEDIUM	JENIS/ PELAKSANAAN PROMOSI
1.	Media Eletronik	<ul style="list-style-type: none"> a. Laman Sosial Rasmi Tourism Selangor (Facebook, twitter, dan Instagram) b. Laman Web Rasmi Tourism Selangor iaitu www.tourismselangor.my c. Aplikasi Telefon Pintar (Discover Selangor) yang boleh dimuat turun melalui aplikasi Google Play dan Apple App Store.
2.	Media Cetak	<ul style="list-style-type: none"> a. Risalah Selangor <i>Breakaway</i> (Direktori Pelancongan Negeri Selangor) b. Pengiklanan Media & Cetak c. Risalah Peta (Fun Map) dan Pengiklanan Cetak & Digital

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO □ MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK GRADUAN

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah komitmen dan tawaran perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu kebolehpasaran Graduan Anak-Anak Selangor dalam mendapatkan peluang pekerjaan dalam pasaran?
- b) Adakah Kerajaan Negeri memberikan keutamaan kepada Anak-Anak Negeri Selangor yang berkelayakan dalam mendapatkan tempat dan peluang pekerjaan dalam sektor awam atau korporat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Berapakah kekosongan jawatan dalam sektor awam atau korporat Negeri Selangor yang boleh diisi oleh graduan setakat Ogos 2018?

JAWAPAN:

- c) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab menguruskan urusan perkhidmatan di 43 buah Jabatan/ Agensi sektor awam yang di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan (PSUK) Negeri Selangor yang melibatkan 22 Jabatan/ Agensi Kerajaan, sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah, dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pengisian jawatan di Jabatan/ Agensi Kerajaan di bawah PSUK Negeri Selangor yang melibatkan pegawai atau kakitangan lantikan Kerajaan Negeri iaitu lantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) dan lantikan oleh Kerajaan Persekutuan sama ada Gunasama atau Bukan Gunasama. Manakala pengisian jawatan di PBT dilaksanakan oleh pihak PBT selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

Maklumat Perjawatan (Pengisian/Kekosongan) di semua Jabatan/ Agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi perjawatan Tetap dan Kontrak sehingga 31 Ogos 2018 dengan jumlah pengisian 87.6% iaitu 17,363 perjawatan yang diisi daripada 19,817 jumlah keseluruhan perjawatan dan kadar kekosongan pada tahap 12.4% iaitu 2454 kekosongan

adalah selari dengan arahan kawalan pengisian jawatan yang dikeluarkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada semua agensi Perkhidmatan Awam Negeri (PAN), Badan Berkanun Negeri (BBN) dan PBT di mana semua agensi hendaklah mengawal kadar pengisian pada paras 89%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM PEDULI SIHAT

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri tentang kelangsungan Program Skim Peduli Sihat memandangkan Kerajaan Pusat kini ditadbir oleh Pakatan Harapan.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan atau membatalkan Program Peduli Sihat tersebut memandangkan kewangan Kerajaan Pusat dihimpit dengan jumlah hutang negara yang besar jumlahnya?

JAWAPAN:

Soalan a) dan b) dijawab bersekali.

Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membatalkan Skim Peduli Sihat yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2017.

Walau bagaimanapun, kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kini ditadbir oleh Pakatan Harapan. Justeru, pada masa ini Kerajaan Negeri sedang berbincang dengan Kerajaan Pusat untuk menyusun semula dan menambahbaik pelaksanaan program Peduli Sihat ini agar tidak berlaku pertindihan fungsi serta saling melengkapi satu sama lain. Ini seterusnya akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri hanya akan menyediakan perkhidmatan yang tidak disediakan oleh Kerajaan Pusat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : ELAUN IMAM, BILAL, SIAK MASJID DAN GURU KAFA

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah elaun Imam, Bilal dan Siak masjid-masjid akan diberi tambahan sebagaimana elaun terdahulu?
- b) Adakah elaun untuk Guru-guru KAFA ditambah atau dikekalkan seperti sebelum ini?

JAWAPAN:

- a) Tiada kepastian, ianya bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan Negeri. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan elaun tambahan bulanan imam berjumlah RM450 yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 dan 2017.

Manakala elaun bulanan bilal dan siak masih lagi dibayar menggunakan peruntukan LZS dengan pecahan seperti berikut:

Perkara	Jumlah (RM)
Bilal 1	290.00
Bilal 2	200.00
Siak 1	240.00
Siak 2	150.00

- b) Buat masa ini elaun guru KAFA masih dikekalkan seperti sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : HARGA KOMODITI MENDADAK JATUH, SUSAHKAN PEKEBUN KECIL

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menangani penurunan harga kelapa sawit dan kelapa demi memastikan kebajikan pekebun kecil terbelas?
- b) Perlukah Kerajaan Negeri menubuhkan satu organisasi seperti peladang, khusus untuk membantu pekebun kecil untuk memberi bimbingan serta dapat membantu lebih meningkatkan hasil tanaman mereka?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM1.08 juta untuk membantu meningkatkan hasil kelapa melalui program tanam semula dan pemulihan kebun kelapa yang melibatkan kawasan tanaman kelapa seluas 18,650 hektar dengan jumlah pekebun seramai 9,710 orang. Melalui program ini, pekebun kecil dibantu bagi penyediaan kawasan, bekalan benih kelapa (matag, pandan, Malayan Yellow Dwarf dan Malayan Red Dwarf), baja dan racun makhluk perosak. Selain daripada itu, pekebun kecil kelapa juga digalakkan untuk membuat projek integrasi tanaman kelapa dengan tanaman herba, buah-buahan ataupun ternakan lebah kelulut. Langkah ini dijalankan untuk memastikan pekebun kecil mendapat hasil yang baik bagi menambah pendapatan mereka. Bagi pekebun kelapa sawit, skim bantuan tanaman semula disediakan oleh Lembaga Sawit Malaysia (MPOB).
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak perlu menubuhkan organisasi baharu seperti Persatuan Peladang Kawasan. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi persekutuan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), FAMA dan MARDI bagi memberi bimbingan serta bantuan untuk meningkatkan pendapatan petani. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menggalakkan petani menyertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan menubuhkan koperasi yang terlibat secara terus dalam aktiviti pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMERKASAAN AGAMA ISLAM

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasa Agama Islam melalui enakmen-enakmen sedia ada, adakah akan memindanya?
- b) Nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan dan disalurkan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Undang-Undang MAIS adalah agensi yang bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti penggubalan, pindaan dan semakan undang-undang berkaitan hal ehwal Islam di dalam Negeri Selangor.

Semakan dan penggubalan undang-undang ini dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada bagi diselaraskan dengan keadaan semasa dan keperluan umat Islam.

Kerajaan Negeri bertanggungjawab membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang berkaitan hal ehwal agama Islam yang telah diperkenankan oleh DYMM Sultan dalam Dewan Negeri Selangor.

Sehingga kini, Rang Undang-Undang untuk enakmen-enakmen berikut telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor untuk diwartakan:

- i. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan) 2015 diwartakan pada 22 Mei 2015 dan 19 Oktober 2015;
- ii. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 diwartakan pada 19 Oktober 2015; dan
- iii. Enakmen Wasiat (Negeri Selangor) 1999 (Pindaan) 2016 diwartakan pada 13 Januari 2017.

Pihak MAIS juga telah membuat ketetapan supaya enakmen berikut disemak dan dipinda:

- i. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor);
- ii. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor); dan
- iii. Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Negeri Selangor).

Usaha untuk memperkasa agama Islam melalui penambahbaikan enakmen-enakmen sedia ada akan diteruskan dari semasa ke semasa oleh MAIS dengan perkenan DYMM Sultan Selangor dengan kerjasama Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.

Peruntukan pelaksanaan program penggubalan undang-undang berkaitan hal ehwal agama Islam merangkumi aktiviti semakan, penyediaan draf undang-undang, terjemahan, percetakan dan pewartaan dibiayai melalui peruntukan Baitulmal MAIS dengan anggaran bajet sebanyak RM20,000 setiap satu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MANIFESTO PILIHANRAYA PAKATAN HARAPAN SELANGOR PRU 14

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menunaikan segala janji-janji dalam Manifesto Pilihanraya 14 lalu?
- b) Jika tidak dilaksanakan atau ditunaikan janji-janji manifesto pilihanraya 14, apakah langkah alternatif yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : DASAR BARU KERAJAAN NEGERI SETELAH PELANTIKAN MENTERI
BESAR BARU**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menukar dasar sedia ada kepada dasar baru apabila bertukarnya Menteri Besar?
- b) Jika dasar Kerajaan Negeri Selangor ditukar, berapakah kos yang akan digunakan dalam penukaran dasar tersebut?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROSES PENUKARAN PAPAN-PAPAN BILLBOARD KERAJAAN NEGERI

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil langkah menukar papan-papan billboard Kerajaan Negeri yang melibatkan gambar-gambar mantan Menteri Besar Selangor?
- b) Adakah proses penukaran tersebut akan ditenderkan secara terbuka atau melantik konsultan untuk proses penukarannya dan berapa nilai kos keseluruhannya ?

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil langkah menukar papan-papan billboard Kerajaan Negeri yang melibatkan gambar-gambar mantan Menteri Besar Selangor.
- b) Proses penukaran tersebut akan dilakukan secara *'in house'* menerusi CCSB dalam memastikan mesej-mesej, polisi dan program Inisiatif Peduli Rakyat Kerajaan Negeri Selangor dapat terus disampaikan kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBELAAN GOLONGAN IBU TUNGGAL

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membela nasib ibu tunggal di Negeri Selangor selain daripada Skim Kasih Ibu Smart Selangor – KISS.
- b) Berapakah jumlah ibu tunggal di Negeri Selangor dan apakah punca mereka menjadi ibu tunggal, adakah disebabkan oleh perceraian, tidak mendirikan rumah tangga atau kematian suami?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil berat dalam membela kebajikan golongan ibu tunggal di Negeri Selangor. Selain daripada Program Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) oleh Kerajaan Negeri, pelbagai program lain turut disediakan oleh untuk dilaksanakan bagi tujuan pemberdayaan golongan ibu tunggal ini agar dapat berdikari dan menjana ekonomi keluarga sendiri tanpa hanya mengharapkan bantuan yang disediakan.

Kerajaan Negeri sentiasa memberi galakan agar golongan ibu tunggal ini menceburi aktiviti keusahawanan dan perniagaan sekaligus dapat memberi ruang dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan wanita. Antaranya adalah program pendekatan yang memberi peluang pekerjaan atau perniagaan untuk menyara kehidupan golongan wanita ini iaitu Program Skim Mikro Kredit Hijrah yang mencatatkan penyertaan seramai 3,859 orang ibu tunggal yang telah dibantu dan menerima manfaat sehingga kini dengan jumlah nilai pinjaman perniagaan sebanyak RM26,366,500.00. Bidang perniagaan makanan, pembekalan, pemprosesan, penternakan, perkhidmatan dan pertanian adalah antara bidang perniagaan yang diceburi oleh golongan ibu tunggal ini.

Selain daripada itu, melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB), seramai 12 orang ibu tunggal telah berjaya dilahirkan menjadi usahawan kecil yang memperoleh pendapatan daripada aktiviti keusahawanan yang dipelajari. Bidang pembuatan makanan, jahitan dan seni kraftangan adalah antara bidang perniagaan yang dilaksanakan. Berdasarkan rekod, terdapat usahawan kecil PWB ini berjaya menjana pendapatan sehingga RM6,000.00 sebulan.

- b) Berdasarkan rekod Sistem e-Bu yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) sebagai pengendali sistem tersebut, sejumlah 17,945 orang ibu tunggal telah mendaftarkan diri ke dalam sistem tersebut.

Namun begitu, tiada rekod punca golongan wanita ini menjadi ibu tunggal sama ada ianya disebabkan oleh perceraian, tidak mendirikan rumah tangga atau kematian suami dicatatkan di dalam sistem tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBELIAN SPLASH OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Isu pembelian SPLASH, sejauh manakah pembelian ini mampu menjamin bekalan air bersih kepada seluruh rakyat Selangor dan berapa lama masa diambil untuk proses tersebut?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha mengekalkan Bantuan Air Percuma Di Bawah 20 MM Meter Per Padu selepas pembelian SPLASH ini yang dianggap mahal dari yang sepatutnya?

JAWAPAN:

- a) Pada 03 Ogos 2018, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor) telah pun mengemukakan surat tawaran pengambilalihan kepada wakil Pemegang Saham SPLASH yang terdiri dari Gamuda Berhad ("Gamuda") (40%), The Sweet Water Alliance ("TSWA") (30%) dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") (30%). Tawaran pengambilalihan tersebut telah diterima dan dipersetujui oleh Pemegang Saham SPLASH dan pada ketika ini, Air Selangor dan SPLASH Holdings sedang merundingkan terma-terma dan syarat-syarat bagi Perjanjian Jual Beli Saham yang dijangka akan dimuktamadkan pada 14 September 2018. Secara keseluruhannya, proses pengambilalihan SPLASH dan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini akan disempurnakan pada 31 Disember 2018. Mulai pada 01 Januari 2019, Air Selangor akan menjadi operator tunggal yang akan merawat dan membekalkan air kepada pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- b) Kerajaan Negeri Selangor akur bahawa dalam melaksanakan penstrukturan semula ini, Air Selangor perlu menampung kos pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air pada nilai mencecah sebanyak RM3.0 bilion. Selain dari menanggung kos pengambilalihan semula, Air Selangor juga perlu mempunyai unjuran kewangan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan CAPEX dan OPEX. Justeru itu, di dalam usaha untuk mendapatkan perkhidmatan bekalan air yang diurus secara holistik ke arah perkhidmatan yang menjamin ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif di samping dapat meneruskan

Program Air Percuma, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kadar tarif perlu diteliti. Namun sebarang langkah untuk menetapkan kadar tarif akan mengambil kira bebanan yang ditanggung oleh rakyat, terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.